

08 FEBRUARI 2018

## Dua pengawal Nepal minum kopi perisa durian positif syabu

### Dua pengawal Nepal minum kopi perisa durian positif syabu

**GEORGE TOWN** - Ujian air kencing dua pengawal keselamatan warga Nepal yang didakwa mengalami simptom pening dan letih teruk sehingga pengsan selepas meminum sebungkus kopi segera berperisa durian pada 30 Januari lalu menunjukkan mereka positif dadah jenis syabu. Jurucakap polis berkata, hasil ujian yang diterima lewat petang kelmarin mengesahkan terdapat campuran benda asing berwarna hijau di dalam kopi tersebut yang merupakan dadah sintetik. Menurutny, pihak terbabit bagaimanapun masih menunggu laporan darah dua warga asing berusia 32 dan 46 tahun itu daripada Jabatan Kimia termasuk kandungan campuran benda asing berwarna hijau yang disyaki dadah tersebut.

"Hasil laporan ujian air kencing terhadap kedua-dua lelaki terbabit yang diterima petang semalam (kelmarin) didapati positif dadah jenis syabu. Polis juga masih menunggu laporan air kencing ke atas dua lagi lelaki yang didakwa mengalami simptom sama pada 4 Februari lalu dipercayai selepas meminum sejenis kopi segera yang diberikan seorang lelaki Bangladesh. Kita percaya keputusan akan diperolehi dalam tempoh terdekat," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* di sini semalam. Ketua Polis Pulau Pinang, Datuk A. Thaiveegan pula memberitahu, pihaknya sedang meneliti rakaman sistem televisyen litar tertutup (CCTV) di lokasi pembuangan sampah iaitu tempat bungkusan



**KERATAN *Kosmo!* semalam.**

kopi segera ditemui sebelum dibancuh dua pemandu lori sampah. "Kita sedang menyiast perkara terbabit termasuk siapa yang tinggalkan bungkusan kopi itu sebelum buang ke dalam tong sampah. Setakat ini kita belum dapat identiti individu berkaitan," ujarnya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melancarkan Program Remaja Berawasan 2018 di Sekolah Menengah Kebangsaan Teluk Bahang di sini semalam. Sebelum ini, *Kosmo!* melaporkan lima individu termasuk dua wanita terpaksa menerima rawatan di Hospital Pulau Pinang sejak 27 hingga 30 Januari lalu selepas didakwa mengalami simptom pening dan letih teruk sehingga dua daripada mereka pengsan dipercayai akibat meminum kopi segera tersebut. Kejadian tersebut mendapat perhatian ramai selepas rakaman video dua pengawal keselamatan warga Nepal dalam keadaan lemah menjadi tular dalam laman sosial.